

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah tahap persediaan kontinjen negara ke Sukan SEA Manila 2019, dan adakah pihak Kementerian telah melakukan pemeriksaan rapi di semua "venue" pertandingan terutamanya membabitkan hal keselamatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah melaksanakan Program Penyediaan Atlet ke arah persiapan bagi menghadapi Temasya Sukan SEA edisi ke-30 yang bakal diadakan pada 30 November 2019 hingga 11 Disember 2019 di beberapa bandar utama di Filipina. Program ini telah bermula sejak Januari 2018 sebagai inisiatif pengurusan MSN ke arah menyediakan program latihan atlet secara berterusan sejurus berakhirnya Program Kita Juara (KJ) 2017. Program KJ 2017 telah melihat kejayaan apabila kontinjen Malaysia muncul selaku Juara Keseluruhan untuk kali kedua selepas tahun 2001.
2. Program Penyediaan Atlet ini terbahagi kepada tiga (3) fasa pelaksanaan yang bermula sejak Januari 2018 dan kini telah memasuki fasa terakhir dengan penglibatan seramai 526 orang atlet dan 97 orang jurulatih daripada 25 jenis sukan yang berlatih secara sepenuh masa di bawah Program Podium. Sepanjang pelaksanaannya bermula Januari 2019 sehingga kini sebanyak 296 pendedahan pertandingan dalam dan luar negara, 117 pendedahan latihan dalam dan luar negara serta 50 program binaan telah dijalankan bagi memantapkan persiapan pasukan negara sebelum temasya ini membuka tirainya secara rasmi pada 30 November 2019 di *Philippine Arena*, Manila, Filipina.
3. Majlis Olimpik Malaysia (MOM) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas pendaftaran dan pengurusan kontinjen ke temasya Sukan SEA Manila 2019 telah mengadakan sesi pemilihan atlet dan pegawai melalui beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan yang telah diadakan bermula bulan April hingga September 2019 sebelum senarai akhir penyertaan kontinjen dimuktamadkan. Kontinjen Malaysia dijangka akan menyertai sebanyak 52 daripada 56 jenis sukan yang dipertandingkan dengan melibatkan 77 disiplin dan 386 acara sukan.

4. MSN juga akan mengadakan Perhimpunan Akhir Kontinjen Negara pada 19 – 21 November 2019. Perhimpunan ini akan mengumpulkan kesemua atlet, jurulatih dan pegawai yang akan menyertai temasya Sukan SEA dan upacara penyerahan Jalur Gemilang akan turut dilakukan semasa perhimpunan ini.
5. KBS melalui MSN, Institut Sukan Negara (ISN) dan MOM telah mengadakan satu lawatan kerja ke Filipina pada 1 hingga 5 Julai 2019 bertujuan meninjau persiapan *venue* pertandingan dan hotel penginapan selain mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu semasa yang membabitkan hal keselamatan dan kesihatan. Hasil tinjauan yang diperolehi telah disalurkan kepada para pegawai melalui Mesyuarat Pengurus Pasukan yang telah diadakan pada 26 Julai 2019 lalu. Setiap pengurus pasukan diingatkan untuk mengawal dan memantau pergerakan pasukan masing-masing sepanjang berada di Filipina nanti dengan mengambil langkah berjaga-jaga selain mengelakkan daripada mengunjungi kawasan-kawasan berisiko. Pihak ISN juga telah menyediakan suntikan vaksin *Measles, Mumps* dan *Rubella* (MMR) dan *Influenza* bermula pada 20 September 2019 bagi kontinjen Malaysia yang akan ke Filipina sebagai salah satu langkah berjaga-jaga.

Sekian, terima kasih.